

CNS7765

U GB 18-01 00553 NC084

Bah

Parlimen - Raja

ISU PERLEMBAGAAN: SELURUH NEGAR TERTUMPU KE KUALA LUMPUR
am

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Seluruh negara hari ini menumpukan perhatian ke Kuala Lumpur dengan rasa penuh optimis bahawa Kerajaan dan Raja-raja akan mencapai persetujuan berhubung isu pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memansuhkan imuniti Raja-raja daripada segi undang-undang.

Fokus perhatian utama ialah pada persidangan khas Parlimen yang dijadual selama tiga hari bagi membahaskan rang undang-undang pindaan itu. Persidangan itu termasuk dua hari bagi Dewan Rakyat dan sehari bagi Dewan Negara.

Selain persidangan itu yang bermula petang ini, Kuala Lumpur turut menjadi fokus perhatian kerana pagi ini juga berlangsung persidangan Majlis Raja-raja Melayu di Istana Negara bagi menentukan pendirian rasmi Raja-raja sama ada cadangan pindaan itu diterima atau ditolak.

Pihak kerajaan yang mengemukakan rang undang-undang itu dijangka tidak menghadapi kesulitan untuk mendapat sokongan dua-pertiga di Parlimen.

Ini ialah kerana selain sokongan padu seluruh anggota Parlimen daripada Barisan Nasional, rang undang-undang itu juga berkemungkinan akan direstui sebahagian besar anggota pembangkang, khususnya DAP.

Bagi pihak Raja-raja pula, walaupun enam orang daripada mereka secara tidak rasmi telah memperlihatkan tanda positif terhadap pindaan itu, satu pendirian muktamad akan hanya diketahui setelah berlangsungnya mesyuarat Majlis Raja-raja itu. -- Lagi

Parlimen - Raja 2 Kuala Lumpur

Enam orang Raja yang dimaksudkan itu ialah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Raja Perlis, Sultan Pahang, Sultan Terengganu, Pemangku Raja Selangor dan Pemangku Raja Perak.

Tiga lagi Raja yang setakat ini belum memperlihatkan sebarang pendirian berhubung isu itu ialah Sultan Johor, Sultan Kelantan dan Sultan Kedah.

Pada mesyuarat tidak rasmi Raja-raja dengan wakil kerajaan yang diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Istana Negara semalam, keenam-enam orang Raja itu dikatakan mencapai kata sepakat berhubung pindaan itu, dengan syarat pihak kerajaan melakukan sedikit tambahan kepada peruntukan-peruntukan tertentu draf pindaan asal.

Daripada kenyataan Dr Mahathir kepada pemberita selepas mesyuarat itu, andaian boleh dibuat bahawa pihak kerajaan sedia menimbang cadangan balas Raja-raja itu.

Cadangan balas itu dipercayai turut dibincangkan pada mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi BN, kedua-duanya juga berlangsung pagi ini.

Dengan penerimaan cadangan balas Raja-raja itu, tidak mustahil seorang dua atau kesemua ketiga-tiga orang Sultan yang belum menunjukkan pendirian setakat ini juga akan menyokong pindaan itu. -- Lagi

Parlimen - Raja 3 (akhir) Kuala Lumpur

Pindaan asal Perlembagaan Persekutuan yang dicadangkan itu membabitkan kemasukan lima peruntukan tambahan dan pemindaan dua peruntukan yang sedia ada.

Lima peruntukan tambahan yang akan dimasukkan ialah Perkara 38 (2) (d), 42 (12), 63 (5), 72 (5) dan 181 (3) manakala peruntukan yang sedia ada yang terbabit dengan cadangan pindaan itu ialah Perkara 32 dan 181 (2).

Pada keseluruhannya, segala pindaan dan kemasukan peruntukan tambahan itu bermaksud untuk menghadkan imuniti Raja-raja daripada segi undang-undang, memindah kuasa mengampun individu yang ada pada Raja-raja kepada Majlis Raja-raja, membolehkan anggota Parlimen dan Dewan Undang Negeri membahaskan hal-hal berkaitan Raja-raja di kedua-dua Dewan itu dan menegah mereka (anggota kedua-dua Dewan) membuat sebarang kenyataan yang boleh dianggap sebagai bertujuan menghapuskan institusi raja.

Walau apa pun yang akan berlaku di Kuala Lumpur hari ini, kewarasan, kebijaksanaan dan kesabaran semua pihak yang terbabit dijangka akan mengatasi segala kebuntuan dan sekali gus melenyapkan kegusaran rakyat serta meletakkan Institusi Raja Berperlembagaan di negara ini pada landasan yang sewajarnya. -- Bernama

▼18/01/09-39MST